

15 MAR 2003

Hishammuddin-Aman

PERHIMPUNAN KEAMANAN KEDUA JIKA PERANG MELETUS

ALOR STAR, 15 Mac (Bernama) -- Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) kali kedua akan diadakan jika perang tercetus di Iraq, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

Beliau berkata sekiranya Amerika Syarikat dan sekutunya meneruskan juga niat menyerang Iraq dalam masa terdekat ini, rakyat negara ini sekali lagi perlu membuat pendirian tegas menentang tindakan berkenaan.

"Kita perlu memberi peluang rakyat menyatakan bantahan dan kebencian mereka terhadap peperangan, dan itu boleh kita lakukan dengan cara Perhimpunan Keamanan Malaysia kali kedua di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan para pemimpin persatuan belia di negeri ini, di sini.

Hishammuddin yang merupakan penaung kepada Aman Malaysia berkata daripada perhimpunan kali pertama itu jelas dilihat rakyat negara ini telah memberi sokongan yang sungguh mengagumkan.

Pada perhimpunan 23 Feb lepas, kira-kira 200,000 orang membanjiri Stadium Nasional Bukit Jalil bagi menyuarakan pendirian mereka membenci peperangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut hadir pada majlis berkenaan dan sejumlah 2.8 juta tandatangan berjaya dikumpulkan dan diserahkan kepada Dr Mahathir.

Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno berkata sekretariat Aman Malaysia sedang berbincang dengan pelbagai pihak di luar negara bagi memastikan bantahan yang diadakan di serata negara itu menjadi satu rantaian suara penduduk dunia membantah peperangan.

"Kita tiada pilihan lain selain gunakan suara dunia, dengan cara itu pemimpin Amerika Syarikat akan mendengar suara kita iaitu tidak mahu peperangan dan keganasan.

"Kita mahu pastikan keamanan dunia bukan tertakluk pada satu kuasa besar sahaja, saya yakin dengan suara dunia yang besar itu, kuasa besar terpaksa mendengar suara kita," katanya.

Pada majlis berasingan, Menteri Belia dan Sukan itu melancarkan Kempen Aman Malaysia Fasa II di Stesen Minyak Petronas di sini. Petronas menyumbangkan 200,000 pelekat kenderaan untuk kempen kali ini.

Mengenai keberkesanan kempen itu dalam menghalang Amerika Syarikat daripada menyerang Iraq, Hishammuddin berkata adakalanya sesuatu kejadian itu berlaku bukan kerana suara minoriti mahukan ia berlaku tetapi kerana suara majoriti tidak bangkit.

"Dalam kes ini sentimen anti-perang seluruh dunia sekurang-kurangnya telah melambatkan lagi serangan itu," katanya.

Mengenai perkembangan lain, beliau berkata Kementerian Belia dan Sukan masih dalam proses mengumpulkan maklumat bagi merangka draf Akta Pembangunan Sukan, yang bertujuan memberikan lebih kuasa kepada kementerian dalam beberapa bidang berkaitan belia dan memastikan pembangunan belia berjalan secara terancang.

Ada beberapa aspek berkaitan belia tidak tertakluk di bawah kuasa kementerian yang menjadi punca kepada aktiviti belia tidak dapat berjalan lancar, katanya .

-- BERNAMA

MZM JM RON